

24 SEP 1998

Yusof-Terima

RAKYAT PERLU TERIMA HAKIKAT, KATA DR YUSOF NOOR

BESUT, 24 Sept (Bernama) -- Rakyat diminta supaya menerima hakikat bahawa isu pemecatan bekas Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim daripada kerajaan dan parti adalah semata-mata kerana moralnya rendah dan bukannya kerana sebarang konspirasi politik seperti yang didakwanya.

Ketua Penerangan UMNO Datuk Dr Mohd Yusof Noor berkata, semua pihak patut menerima realiti sebenarnya dan mengenenpikan sentimen yang menjangkakan Anwar yang selama ini dikenali sebagai pemimpin yang warak sanggup melakukan perkara seperti itu.

"Apa yang berlaku perlu ditelan walaupun pahit, kerana dengan hanya bertindak demikian kita akan dapat mententeramkan jiwa daripada terus diselubungi rasa kekeliruan oleh gangguan khabar-khabar angin yang tidak berasas," katanya semasa berucap di majlis penerangan mengenai isu-isu semasa di Kampung Raja, hari ini.

Lebih 200 orang daripada pelbagai agensi kerajaan hadir di majlis itu dan mereka turut berpeluang menonton tayangan video mengenai penerangan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengenai isu pemecatan Anwar yang dirakamkan di Kuala Lumpur baru-baru ini.

Beliau berkata, dalam menjalankan tugas seharian sebenarnya Dr Mahathir adalah pemimpin yang amat berhati-hati dan cermat kerana sebelum membuat sesuatu keputusan beliau sentiasa mengambil kira keputusan majoriti.

Malah keputusan sebulat suara anggota Majlis Tertinggi UMNO (MT) tidak perlu dipertikaikan kerana ia berdasarkan bukti-bukti yang kukuh.

"Rakyat juga diminta bertenang dan tidak terpengaruh dengan hasutan oleh mana-mana kumpulan yang sentiasa mengeluarkan pelbagai berita-berita palsu mengenai kerajaan untuk mengucar-kacirkan ketenteraman dalam negara," katanya.

Beliau berkata rakyat perlu mempercayai setiap langkah yang diambil dalam menangani isu itu adalah demi kepentingan negara dan bukannya langkah yang drastik tanpa siasatan lengkap.

-- BERNAMA

ND PR